

23/06/1999

Mahathir gembira G-7 terima syor kawal pasaran kewangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, gembira kerana negara Kumpulan Tujuh (G-7) akhirnya menerima cadangan Malaysia mengenai peraturan mengawal selia pasaran kewangan antarabangsa bagi mengekang kegiatan spekulasi mata wang.

"Kita gembira kerana akhirnya mereka bersetuju dengan kita," kata Perdana Menteri.

Ketika pertama kali Dr Mahathir mengemukakan cadangan itu pada 1987, ramai pihak menyifatkannya sebagai 'gila'.

"Tetapi nampaknya sekarang mereka juga adalah sama 'gila' seperti saya," kata Dr Mahathir memulangkan paku buah keras.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian sijil kemahiran kepada pelatih belia Orang Asli Bukit Lanjan dekat sini, hari ini.

Jumaat lalu, Menteri-Menteri Kewangan Kumpulan G-7 mengeluarkan laporan mengandungi enam cara utama untuk mengubah kerangka kewangan global untuk diluluskan pemimpin negara kumpulan berkenaan.

Antaranya, negara G-7 bersetuju membuat peraturan yang memerlukan dana lindung nilai dan institusi berisiko tinggi lain mendedahkan lebih banyak maklumat mengenai operasi yang selalunya dilakukan secara rahsia serta mengukuhkan peraturan institusi seumpama di kedua-dua pasaran tempatan dan pesisir.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, walaupun G-7 menerima cadangan untuk mengenakan peraturan itu, sukar bagi mengetahui sama ada mereka akan menuju ke landasan sebenar dan melakukan perkara yang betul.

Menurutnya, akan timbul jurang yang besar antara penerimaan dan pelaksanaan dalam mengadakan peraturan berkenaan.

"Kita tidak tahu sama ada mereka hanya akan mengekang kegiatan spekulasi mata wang atau mereka akan melakukan seperti yang dilakukan terhadap kita iaitu meminta kita bertindak lebih telus dan macam-macam lagi ... tetapi dia orang terus gelap.

"Anda tidak nampak apa yang mereka lakukan, anda tidak tahu di mana mereka berada, mereka mengadakan operasi di pusat kewangan pesisir, setakat kita tahu mereka tidak membayar sebarang cukai, mereka 'merogol' negara kita dan memiskinkan rakyat kita ... tetapi sebaliknya kita yang dipersalahkan untuk semua itu.

"Saya berharap mereka akan menghentikan manusia jenis ini dan dunia akan menjadi lebih selamat serta lebih makmur untuk didiami," katanya.

Mengenai kelulusan kumpulan berkenaan untuk memotong sekurang-kurangnya AS\$27 bilion (RM102 bilion) hutang negara termiskin, Dr Mahathir menegaskan Malaysia langsung tidak termasuk dalam senarai itu.

Menurutnya, G-7 hanya mengurangkan hutang di kalangan negara termiskin yang meminjam daripada mereka dan tidak mampu untuk melunaskan hutang itu.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku kerana ada negara terbabit yang terpaksa menggunakan kira-kira 80 peratus daripada hasil negara untuk membayar hutang.

"Meminjam menjadikan mereka lebih miskin daripada sebelumnya. Negara G-7 sepatutnya melupuskan segala hutang piutang itu.

"Bagaimanapun, hutang terbabit langsung tidak membabitkan Malaysia. Kita tidak meminjam daripada mereka, kita tidak menerima bantuan daripada mereka.

"Apa yang kita miliki sekarang adalah hasil sumber dalam negara ...

malah kita tidak pernah meminta untuk meminjam daripada mereka," tegasnya.
(END)